Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berita Minggu, Ahad, 31 Mei, 1981

Menghadapi cabaran baru...

Oleh
SITI BIDAYAH
AHMAD

Wanita UMNO ingin aktif dalam RMK

HAMPIR setiap minggu, terutamanya di hujung minggu sepanjang Mei ini, ada sahaja UMNO-UMNO Negeri berkonvensyen. Memang begitulah selalunya hampir menjelang musyuarat agung, kerana mematuhi perlembagaan.

Pergerakan Wanita UMNO Malaysia tidak terkecuali. Malam Ahad lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri juga merangkap Timbalan Presiden UMNO, meramaikannya di sebuah hotel terkemuka di tengah-tengah bandaraya.

Setiap ketua Ketua Wanita Bahagian atau Naibnya hadir selama dua hari setengah, membincangkan tiga kertaskerja. Tujuan utama konvensyen itu, seperti Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajjah Alshah Ghani gariskan ialah untuk menyediakan wanita UMNO menghadapi cabaran baru ketika perlaksanaan Rancangan Malaysia Kempat.

Tidak siapa pun menafikan bahawa cabaran Datin Paduka Alshah bahawa kejayaan RME tidak bergantung pada sumbangan besar, tetapi penyertaan bersama semua rakyat, termasuk kaum wanita.

Harapan Ketua semoga menerusi dua kertaskerja — Rancangan Malaysia Kempat oleh Dr. Mohd. Iwaz bin Abdul Karim dan Kedudukan Ekonomi Orang-orang Melayu dan Implikasi Politik, oleh Dr. Mohd. Noor Ghani, dapatlah wanita UMNO mengambil bahagian membincang dan memberi pandangan supaya pengilatan mereka nanti lebih berkesan.

Dialog agama mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam pula mahu melengkapkan fahaman wanita UMNO mengenainya supaya dalam keghairahan memimpin mereka tidak tergelincir dari landasan kelslaman.

Amanat pendek tetapi mengandungi sebegitu tinggi penghargaan dan harapan terhadap wanita UMNO dari Datuk Seri Dr. Mahathir ketika meramaikan konvensyen itu, terus meletakkan tanggungjawab yang bukan sedikit pada pemimpin-pemimpin wanita itu.

Berpeluang mengikuti kesuluruhan konvensyen dan membandingkan penyertaan peserta kali ini, nyatalah di banyak segi prestasi wanita UMNO sudah bertambah tinggi. Sebilangan besar dari mereka sudah sanggup memberi perhatian bersungguh ketika pembentangan kedua-dua kertaskerja yang agak berat (banyak perangkaan dan mengenai ekonomi).

Begitu juga ketika gejala yang dibuka untuk mereka bersoal, berhujah, minat wanita UMNO sudah bertambah. Paling membanggakan ramai juga yang memberi pandangan membuktikan mereka mengikuti kemajuan semasa dengan agak mendalam.

Kedatangan mereka meninggalkan rumah, anak-anak dan suami, adalah dengan persediaan yang agak lengkap. Ini terbukti dari kepuayaan meluahkan perangkaan-perangkaan terbaru mengenai isu-isu berat seperti tanah terbiar, perumahan, Amanah Saham Nasional, kedudukan pekerja Bumiputera di berbagai sektor, umpamanya. Isu-isu begini, tidak lama dulu, jarang mendapat sambutan mereka.

Selain itu, wanita UMNO juga lebih lantang dalam mengkritik. Hinggakan ke dasar kerajaan dan pentadbir-pentadbir, sambil tidak segan silu menelanjangkan kelemahan kalangan kaum Bumiputera sendiri. Pembaharuan ini membawa pertanda baik — kaum wanita tidak lagi membicarakan masalah yang paling berhampiran dengan "tepi kain dan sekitar dapur mereka".

Lengkap dengan perangkaan mengenai kekurangan rumah-rumah kos rendah, wanita UMNO turut selantang ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO mengatakan rasa tidak puas hati terhadap pencapaian Bumiputera dalam pembelian dan pemilikan rumah yang diuntukkan bagi mereka.

Pastilah ketika soal Amanah Saham Nasional masih hangat, konvensyen Wanita UMNO tidak sunyi membicarakannya. Paling ghairah nampaknya wanita UMNO mahu menentukan skim ini benar-benar berjaya. Hingga timbullah keinginan supaya di perangkat cawangan dan bahagian menyediakan program mengenai sejauh mana penyertaan kelalaman yang mana pekerja yang dedikasi, bersih dan jujur. Jelas betapa kertaskerja Dr. Mohd. Noor yang pada dan penuh dengan perangkaan itu dihayati.

Memangilah kelih dialog mengenai "Rang Undang-undang Keluarga Islam", wanita UMNO paling berminat. Tepi juga dialog itu diadakan waktu malam — dan jam 8 hingga lebih jam 11 — tidak ternampak ada yang mengantuk walaupun sehari suntuk ini mengikuti kertaskerja yang berat-berat.

Ini juga membuatkan ada suara-suara tidak enak mempersoalkan dan mempersendakan mereka "paling ghairah wanita bila soal nikah kahwin dan poligami" dibincangkan. Ada yang menyuarakan tidakkah puas-puas wanita UMNO menjadi "jaguh" dalam bidang ini?

Memangilah tajuk ini tidak pernah tidak dituraskan dalam perbidangan dan konvensyen wanita UMNO kerana tuntutan mereka sejak lebih sepuluh tahun itu belum juga terlaksana.

Apakah tidak ada yang menyedari jika tuntutan mereka itu selaras dterima oleh semua negeri dan dilaksanakan sebaiknya, tidaklah perkara ini terus menjadi duri dalam daging dan terpaksa terus dituntut dan didesak.

Yang terus dituntut adalah keadilan. Undang-undang Islam memang lengkap dan tidak mengalaya wanita, tetapi perlaksanaannya oleh sebengah pihak menjadikan wanita mangsa. Bolehkah wanita dengan kesalahan sendiridengan pihak bertanggungjawab.

Dalam membicarakan aspek penyertaan Bumiputera dalam ekonomi, politik, keagamaan, mereka serta memikirkan masa depan bangsa yang boleh tergadai jika pemimpin pentadbir dan orang-orang seorangan tidak kembali ke jalan Allah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Mereka mendesak diadakan kursus khas bagi semua pegawai kerajaan Melayu supaya disemaikan semangat kelalaman yang mana bentuk mereka menjadi pekerja yang dedikasi, bersih dan jujur. Jelas betapa kertaskerja Dr. Mohd. Noor yang pada dan penuh dengan perangkaan itu dihayati.

Kesedaran mereka terhadap kurang utuhnya orang Melayu hingga membawa kesan negatif terhadap kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi, bukanlah kesedaran luaran sahaja. Bila majlis dialog membicarakan kertaskerja Dr. Mohd. Noor dibuka, ramai yang berhujah mengecam menyeluruh rumahtangga yang kucar kacir menjadi ibu yang baik dan pemimpin masyarakat yang berkesan? Itulah punca desakan mereka.

Namun, walaupun benar perkara rumahtangga dan nikah cerai ini paling berkaitan dengan kaum wanita, tetapi sepatutnya janganlah hingga ke konvensyen di peringkat nasional pun dijadikan dialog itu seperti ceramah agama pula. Terlalu banyak soalan tempatan dikemukakan ke penceramah, dan diminta mengulas satu persatu.

Tidakkah lebih elok jika masalah tempatan begitu disuarakan dalam ceramah-ceramah dan kursus-kursus di peringkat cawangan, bahagian dan negeri sahaja. Bila ke peringkat kebangsaan, sepatutnya masalah yang menyeluruh mengenai negara dan dasar sahaja dibangkitkan.

Ini bukan sahaja menjimat waktu, tetapi juga memberi peluang kepada perkara-perkara lebih besar dikupas lebih mendalam.

Kerap benar pengerusi majlis, Datin Paduka Rafidah Aziz terutamanya, terpaksa mengetuk-ngetuk gelas minum di hadapannya untuk meredakan bisikan-bisikan kecil di hujung sana, di sudut sini.

Tepat seperti kata Datin Paduka Rafidah, bila bunyi-bunyi kecil itu berlaku serentak ia akan jadi bunyi yang kuat dan tetap mengganggu majlis. Di sinilah diraasakan perlunya wanita UMNO yang dipilih khusus untuk ke konvensyen sejauh itu dan setelah banyak berkorban meninggalkan rumah dan anak suami, menggunakan peluang kecmasan itu sepenuhnya.

Jika "sidang-sidang kecil" di belakang dan di sudut-sudut dikurangkan, pastilah fadah dari konvensyen itu akan lebih mendalam lagi.

Walaubagaimanapun, ternampak sudah kejadian begini berkurangan dari tahun-tahun lalu. Dan di kalangan yang benar-benar berminat paling ketara kesungguhan mereka ingin memainkan peranan seakitif mungkin dalam politik negara. Lantas tidak hairan jika mengharapkan pengiktirafan yang wajar. Bila ibu Hajjah Anjah, Ibu Misali membawakan rasa kecewa kerana pemimpin wanita UMNO yang berkoholnan pun tidak mendapat tempat wajar, sambutan dari seluruh dewan bersemangat.

Ibu Misali itu mengingatkan semula pujian-pujian Datuk Seri Dr. Mahathir dalam perasmiannya malam sebelum itu mengenai betapa banyak bakti berkisar wanita UMNO menentukan tampuk pemerintahan kekal dalam tangan parti pemerintah.

Tetapi, malangnya katanya dalam UMNO sendiri peluang mengingkat ke jawatan lebih tinggi bagi pemimpin wanita UMNO sangat terhad.

"Tidakkah cukup terbukti keupayaan dan kesanggupan pemimpin wanita UMNO," katanya? Tepukan gemuruh menyambut kelantangannya. Ramai juga yang membisikkan pada warlawan melaporkan rasa lidak senang itu!

Mereka juga meluahkan rasa kurang senang dengan sikap pemimpin-pemimpin lelaki yang kerap memesan kepada kaum ibu supaya tidak mengabaikan pendidikan anak-anak bila aktif dalam politik dan kerja sukarela.

Mereka menanyakan: "Kenapa setiap kali menitikberatkan soal pendidikan anak, maka kaum wanita sahaja disuruh bersungguh, tidakkah ayah juga turut bertanggungjawab?" Disambut tepukan ramai.

Sepatutnya kata mereka, jika ibu lebih berupaya berfungsi begitu, si ayah mestilah sanggup berkorban sama-sama memikul tanggungjawab itu.

Seluruh wanita UMNO berdebar-debar menanti berapa ramai dari calon wanita menang dalam jawatan Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada 26 Jun ini. Dapatkah kedua pemimpin mereka — Datin Paduka Rafidah Aziz dan Datin Paduka Zaleha Ismail — yang mendudukl kerusi itu kini terus mengekalkan kedudukan mereka.

■ Dapatkah kedua mereka ini mempertahankan kedudukan dalam MKT 26 Jun ini.

■ Perjumpaan anggota Exco Wanita UMNO Malaysia dengan Mufti dan kadhi-kadhi Kelantan, Februari lalu.

No. SM1 .....
Negar mean